

# Pelbagai acara sambut 31 ogos

Oleh Minarni Mat Saad **BH** - 3 AUG 2000

SHAH ALAM, Rabu - Sambutan Hari Kebangsaan ke-43 yang bakal berlangsung di Dataran Kemerdekaan di sini, menyediakan pelbagai acara menarik berwarna-warni bermula 17 Ogos hingga 17 September depan.

Selain selaras kempen Tahun Melawat Selangor 2000, sambutan Hari Kebangsaan yang bertemakan 'Keraname Malaysia' itu dijangka lebih meriah, bertepatan pengumuman Shah Alam sebagai bandar raya pada Oktober depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata kerja menyiapkan tapak perhimpunan terbesar di Selangor itu sudah 95 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya sebelum 15 Ogos sepan.

"Bagi upacara perbarisan, kerajaan dan Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA) menyediakan tapak di Persiaran Perdagangan dan kerja penyediaannya juga sudah hampir siap," katanya.

Menurutnya, perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan akan diadakan di Dataran Kemerdekaan pada pagi 31 Ogos selain pertunjukan padang yang disertai 2,300 orang pelajar dari 21 buah sekolah menengah sekitar Shah Alam.

"Pelajar akan memper-

## Sambutan sebulan bermula 17 Ogos hingga 17 September

sembahkan sesuatu berkonsepkan perjuangan menuju pembentukan satu gagasan ke arah tema sambutan yang menggambarkan Malaysia Sebelum Merdeka, Malaysia Selepas Merdeka dan Malaysia Masa Kini," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Menurutnya, perarakan tahun ini juga membabitkan pelbagai kebudayaan rakyat Malaysia diselang seli nyanyian, tarian ringkas dan persembahan alat muzik tradisional.

Acara yang disusun bagi sambutan Hari Kemerdekaan di Selangor ialah:

- Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Jalur Gemilang pada 17 Ogos, jam 3.30 petang dengan 5,000 belia mengambil bahagian.

- Majlis Perasmian Pameran Logo Hari Kebangsaan di Muzium Sultan Abdul Aziz Shah pada jam 2.30 petang, 26 Ogos yang disempurnakan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

- Majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat di

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada jam 6.45 petang, 29 Ogos yang turut dihadiri Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah.

- Majlis santapan negeri pada 30 Ogos yang dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuan-ku Siti Aishah dan pembesar Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

- Sambutan Perayaan di Ambang Kemerdekaan 2000 pada 30 Ogos mulai jam 4 petang hingga 1.30 pagi.

Abu Hassan berkata, program pada Ambang Merdeka ialah pesta permainan rakyat, persembahan irama gendang pelbagai kaum, orkestra Simfoni Kebangsaan, pertunjukan kesenian pelbagai kaum serta persembahan koir 'Keraname Malaysia!'

Menurutnya, pengiraan detik 12 malam dan laungan kemerdekaan akan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diikuti upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang, persembahan bunga api dan konsert artis popular.